

# Persiapan untuk bukti handalan

**P**ENTINGNYA latihan sebagai persiapan untuk pertandingan memanglah satu hakikat yang tidak perlu diperkatakan lagi.

Demikian juga halnya dengan beberapa orang anggota Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dalam gambar ini yang giat berlatih sejak beberapa minggu lalu untuk mengambil bahagian dalam satu pertandingan antarabangsa di Kuala Lumpur. *PENCAK - SILAT*

Pertandingan yang akan diadakan pada hujung bulan ini ialah Pesat Silat Asean dan Pertandingan Silat Antarabangsa. Ia akan diadakan di Stadium Negara dari 26 hingga 29 November.

Tetapi, dalam kehairahan mereka berlatih itu, apa yang diharapkan dapat ditanamkan dalam jiwa para peserta republik ini ialah bahawa mereka akan menjadi 'duta' Singapura dalam pertandingan itu nanti.

Dalam hal ini, pemupukan disiplin yang baik dan tinggi harus juga ditanamkan di kalangan peserta dan pegawai yang terdiri dari seramai 33 orang itu untuk menggambarakan disiplin masyarakat ini.

Para peserta juga harus sedar bahawa walaupun mereka telah dipilih dari beberapa perguruan, hakikatnya dalam kedua-dua pertandingan itu nanti mereka adalah wakil Persisi.

Kemenangan atau kekalahan mereka dalam pertandingan itu nanti adalah merupakan kemenangan atau kekalahan Persisi.

Gambar2 oleh RAWI AHMAD



● ATAS: Alia Osman menunjukkan satu jurus sebelum terus membuat serangan.

● KIRI: Dua anggota kumpulan silat sedang berlatih menyerang dan mempertahankan diri.